

# Isu dan Faktor Pengukuh Hubungan Dua Hala Malaysia-China Era Najib Razak

## *Issues and Strengthening Factors of Malaysia-China Bilateral Relations in the Najib Razak Era*

Muhammad Syakir Idris<sup>1\*</sup> & Ilyas Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1&2</sup>Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi,  
Universiti Teknologi MARA Pahang, Kampus Raub, Malaysia  
Corresponding Author: [syakiridris@uitm.edu.my](mailto:syakiridris@uitm.edu.my)

---

### Abstrak

Hubungan dua hala Malaysia dan China merupakan suatu kerjasama yang telah lama terjalin. Hubungan ini telah terbentuk secara rasminya pada 31 Mei 1974 hasil daripada usaha Perdana Menteri ke-2 iaitu Tun Abdul Razak. Sejak itu, hubungan ini dilihat telah banyak memberikan impak positif kepada kedua-dua negara khususnya dalam aspek ekonomi, politik dan sosial. Sebagai contoh, hubungan dua hala Malaysia-China pada era pentadbiran Najib Razak telah memberikan kesan yang signifikan kepada pembangunan ekonomi Malaysia melalui aktiviti perdagangan, pelancongan, pelaburan dan lain-lain. Namun, kehadiran isu-isu seperti peristiwa kehilangan pesawat MH370 dan konflik yang berlaku di Laut China Selatan telah menjadi cabaran kepada hubungan kedua-dua negara. Walaupun begitu, kewujudan faktor-faktor pengukuh seperti saling kebergantungan ekonomi, pendekatan diplomasi dan peranan yang dimainkan oleh ASEAN telah berjaya meredakan ketegangan yang berlaku di dalam kerjasama dua hala Malaysia dan China. Dalam menganalisis persoalan bagaimana faktor-faktor pengukuh tersebut membantu mengurangkan ketegangan, konsep complex interdependence telah digunakan untuk membantu pengkaji membincangkan perkembangan dalam hubungan dua hala Malaysia-China. Di samping itu, di dalam penulisan ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan data melalui sumber sekunder bagi memantapkan dapatan kajian seterusnya mengukuhkan lagi perbincangan kajian.

**Kata Kunci:** Hubungan Dua Hala; Faktor Pengukuh; Malaysia-China; Najib Razak; Diplomati

### Abstract

Bilateral relations between Malaysia and China are a longstanding partnership. This relationship was officially formed on May 31, 1974 because of the Malaysia second Prime Minister's effort of Tun Abdul Razak. Since then, this relationship has seen a lot of positive impact on both countries, particularly in the economic aspects. This is because Malaysia-China bilateral ties in the Najib Razak administration era had a significant impact on Malaysia's economic development through trade, tourism, investment and others. However, the presence of issues such as MH370's disappearance and conflict in the South China Sea has been a challenge for the relations between the two countries. Nevertheless, the existence of strengthening factors such as economic interdependence and diplomacy approach have effectively reduced the tensions in Malaysia and China relationship. In analyzing the question of how these strengthening factors helped to reduce tension, the concept of complex interdependence been applied to help the researcher to discuss the progress in Malaysia-China bilateral relations. Hence, in this study, researcher have used qualitative methods that involve data collection through primary and secondary sources to strengthen the findings and the discussion of this research.

**Keywords:** Bilateral Relations; Strengthening Factors; Malaysia-China; Najib Razak; Diplomatic

## PENDAHULUAN

Received: 10 January 2022

Accepted: 21 March 2022

Published: 30 June 2022

Status Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun telah memperlihatkan bahawa Malaysia mempunyai potensi yang baik dalam menjamin kestabilan dari aspek politik, pembangunan ekonomi dan sosial di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Oleh itu, untuk mencapai hasrat ini Malaysia melalui dasar luarnya khususnya semasa era pentadbiran mantan Perdana Menteri Najib Razak telah berusaha mencapai kepentingan nasional menerusi hubungan dengan negara-negara lain di peringkat antarabangsa dan serantau. Perkara ini dilihat dapat dicapai oleh Malaysia dengan cara mengamalkan dasar luar yang bersifat neutral dan berkecuali dalam mengadakan hubungan dengan negara lain secara dua hala ataupun multilateral. Justeru, amalan Malaysia di dalam dasar luar tersebut telah memberikan akses kepadanya untuk menjalinkan hubungan dengan negara-negara lain terutamanya negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan China. Hal ini kerana, bagi Malaysia pendekatan untuk tidak berpihak dengan mana-mana kuasa besar di dalam sistem antarabangsa dapat menjamin Malaysia untuk mencapai kepentingan nasional dalam pelbagai aspek.

Oleh hal yang demikian, keadaan ini secara tidak langsung telah membuka peluang kepada Malaysia untuk mengadakan hubungan dengan negara China bagi mencapai gagasan ke arah status negara maju. Hal ini kerana, hubungan dua hala Malaysia dan China dilihat amat penting kerana ianya dapat memberikan impak yang positif kepada kedua-dua negara khususnya dalam aspek ekonomi. Bagi Malaysia, perkara ini penting kerana China merupakan antara kuasa gergasi ekonomi yang terbesar di dunia. Justeru, hubungan ini perlu dimanfaatkan oleh Malaysia supaya dapat membantu membangunkan ekonomi negara melalui kerjasama perdagangan mahupun pelaburan. Atas sebab itu, dapat disaksikan bahawa kerjasama ataupun perkembangan hubungan Malaysia-China ini telah bermula dengan pesatnya sejak daripada pentadbiran mantan Perdana Menteri Malaysia yang ke-2 iaitu Tun Abdul Razak. Menurut Mohd Khalil Yaakob dan Syaimak Ismail (2017), hubungan politik, diplomatik dan ekonomi di antara Malaysia-China tidak pernah terhenti walaupun pernah terputus seketika disebabkan faktor dalaman yang dihadapi oleh kerajaan China. Namun, hubungan tersebut telah kembali diaktifkan semula oleh Tun Abdul Razak yang berkunjung ke Beijing dan telah disambut mesra oleh Perdana Menteri Republik China pada ketika itu iaitu Zhou Enlai. Kesannya, peristiwa tersebut telah membuka lembaran baru di dalam hubungan dua hala Malaysia-China apabila mantan Perdana Menteri

354

Malaysia, Tun Abdul Razak memulakan inisiatif lawatan rasmi ke Beijing pada 31 Mei 1974 (Ramli Dollah & Wan Shawaluddin, 2005: 78).

Dengan ini, usaha yang dilakukan oleh beliau telah menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di rantau ini yang menjalinkan hubungan dengan negara komunis iaitu China. Hal ini kerana, menurut Ishak Saat (2014), Malaysia dilihat menjalinkan hubungan persahabatan dengan China ketika suasana dunia seolah-olah menghukum China atas dasar komunisnya. Pada ketika itu, perkara ini dilihat penting kerana ianya selari dengan keadaan politik dalaman yang berlaku di Malaysia, yang mana isu sentimen pro-Islam, anti-kolonial dan masalah etnik sering berlaku di antara masyarakat Melayu dan Cina. Selain itu, Ramli Dollah dan Wan Shawaluddin Wan Hassan (2005) juga berpendapat bahawa peralihan dasar luar Malaysia pro-Barat kepada neutral dan berkecuali adalah kerana Malaysia telah mula melihat China sebagai agen kestabilan serantau. Kekuatan ketenteraan dan ekonomi yang dimiliki oleh China mampu menentukan hala tuju dan isu-isu berbangkit dalam hubungan Malaysia-China. Maka, atas sebab ini dapat dilihat bahawa dasar luar Malaysia yang proaktif terhadap China telah diteruskan oleh kesemua Perdana Menteri Malaysia.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Walaupun hubungan dua hala tersebut dilihat telah banyak memberikan impak positif kepada pembangunan kedua-dua negara khususnya dalam sektor ekonomi, namun hubungan Malaysia-China juga sering mengalami ketegangan hasil daripada isu-isu yang timbul. Sebagai contoh, isu kehilangan pesawat MH370 dan isu pertindihan wilayah di Laut China Selatan yang melibatkan Kuala Lumpur dan Beijing ini sedikit sebanyak telah menjadi cabaran kepada kedua-dua negara untuk mengekalkan status hubungan yang harmoni dan stabil khususnya dalam konteks jangka masa panjang. Sekiranya isu-isu tersebut tidak diuruskan dengan baik, maka sudah tentu hubungan Malaysia sebagai status negara sedang membangun dengan China yang merupakan kuasa gergasi ekonomi dunia akan kendur. Tambahan lagi, jika perkara ini tidak ditangani oleh Malaysia melalui pendekatan yang proaktif sudah tentu akan menjejaskan peluang Malaysia untuk menjalankan kerjasama ekonomi menerusi perdagangan dan pelaburan dengan negara China di peringkat yang lebih tinggi. Daripada permasalahan kajian tersebut, maka beberapa persoalan kajian dapat disimpulkan seperti berikut:

- i. Apakah isu yang menggugat hubungan dua hala Malaysia-China.
- ii. Apakah faktor yang menjadi asas kepada pengukuhan hubungan dua hala Malaysia-China pada era pentadbiran Najib Razak.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan metod pengumpulan data secara kualitatif melalui sumber sekunder bagi memantapkan dapatan kajian seterusnya mengukuhkan lagi perbincangan kajian. Kaedah kualitatif melibatkan pengalaman hidup yang sebenar sebagai tindak balas kepada penterjemahan dan kefahaman kehidupan manusia serta realiti dunia sebenar. Data yang diperolehi daripada kaedah ini kebiasaannya tidak berstruktur tetapi memiliki skop yang amat mendalam (Junaidi Awang Besar et. al, 2014: 137). Bagi sumber sekunder, data yang dikumpul didapati melalui bahan-bahan seperti buku, artikel, tesis, jurnal, internet dan lain-lain. Kesemua data-data tersebut dikumpul dan digunakan sebagai bahan rujukan serta maklumat mengikut keperluan sesuatu bahagian ataupun subtopik di dalam penulisan ilmiah ini.

## **ULASAN KARYA**

Ulasan karya dilakukan dengan merujuk artikel jurnal dan sumber-sumber terpilih untuk menjawab persoalan kajian ini. Oleh itu, artikel dan bahan ilmiah dibincangkan melalui tiga tema utama.

### **Sejarah Hubungan Malaysia-China Era Tun Abdul Razak**

Hubungan diplomatik Malaysia dan China terjalin hasil daripada usaha Tun Abdul Razak. Menurut Mohd Khalil Yaakob dan Syaimak Ismail (2017), menyatakan bahawa hubungan politik, diplomatik dan ekonomi Malaysia-China tidak pernah terhenti walaupun pernah terputus seketika disebabkan oleh faktor dalaman yang dihadapi kerajaan China. Hubungan tersebut telah kembali diaktifkan oleh Tun Abdul Razak yang berkunjung ke Beijing pada tahun 1974. Usaha yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak telah menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di rantau ini yang menjalinkan hubungan dengan China. Menurut Ishak Saat (2014), Malaysia

menjalinkan hubungan persahabatan dengan China ketika suasana dunia ketika itu menghukum China atas pelaksanaan dasar komunisnya. Namun begitu, Tun Abdul Razak bertindak berani melawat Peking (Beijing) dan mengadakan perundingan dengan Pengerusi Parti Komunis China, Chou En Lai pada 28 Mei 1974.

Selain itu, Ramli Dollah dan Wan Shawaluddin Wan Hassan (2014) pula berpandangan, hubungan Malaysia-China kembali diaktifkan pada era Tun Abdul Razak kerana mampu mengubah dasar luar Malaysia daripada pro-Barat kepada satu dasar yang lebih neutral dan berkecuali. Hal ini kerana keadaan politik dalaman di Malaysia pada ketika itu penuh dengan sentimen pro-Islam, anti-kolonial dan masalah etnik yang berlaku antara Melayu dan Cina. Dalam erti kata lain, dasar tersebut diubah supaya dapat memastikan dasar luar Malaysia memberikan impak positif kepada perkembangan di peringkat nasional. Di samping itu, menurut Ishak Saat (2014), kehebatan Tun Abdul Razak juga berjaya memujuk Mao Tze Dong dan Chou En Lai untuk tidak terlibat atau membuat sebarang percubaan mempengaruhi kaum Cina Malaysia memalingkan taat setia terhadap negara.

Kenyataan ini juga disokong oleh Ramli Dollah dan Wan Shawaluddin Wan Hassan (2005), peralihan dasar luar Malaysia pro-Barat kepada neutral dan berkecuali kerana Malaysia telah mula melihat China sebagai agen kestabilan serantau. Hal ini kerana, kekuatan ketenteraan dan ekonomi yang dimiliki oleh China mampu menentukan hala tuju dan isu-isu berbangkit dalam hubungan Malaysia-China. Maka, atas sebab ini dapat dilihat bahawa dasar luar Malaysia yang proaktif terhadap China diteruskan oleh kesemua Perdana Menteri Malaysia sehingga ke era Najib Razak.

### **Kepentingan Hubungan Dua Hala Malaysia-China Era Najib Razak**

Hubungan bilateral Malaysia-China era Najib Razak telah digiatkan ke peringkat yang lebih tinggi dalam pelbagai aspek khususnya ekonomi. Hal ini kerana, China merupakan antara sebuah negara gergasi ekonomi Asia. Menurut Hisham Kamal, Nor Azizan Idris dan Zarina Othman (2016), China merupakan negara kedua terbesar dari segi kekuatan ekonominya dengan memiliki simpanan tukaran matawang asing terbesar di dunia. China juga memiliki status negara industri dan negara pengekspor terbesar dunia di samping menjadi negara rakan dagang terbesar dengan 128 negara. Tambahan lagi, Dana Kewangan Antarabangsa tahun 2013 menunjukkan bahawa

sumbangan China terhadap pertumbuhan ekonomi rantau Asia adalah sehingga 50 peratus dan 27.8 peratus di peringkat global.

Rusdi Omar (2006) pula menyatakan bahawa perkembangan dalam hubungan dagangan dan ekonomi China di rantau Asia Pasifik telah memainkan peranan yang penting dalam usaha membangunkan keadaan ekonomi di rantau tersebut dan seterusnya akan menyumbang kepada kemakmuran. Selain itu, Ramli Dollah dan Wan Shawaluddin Wan Hassan (2005) bersetuju bahawa isu ekonomi juga merupakan pemangkin kepada hubungan yang baik antara Malaysia dan China. Pembangunan ekonomi yang pesat di China sudah pastinya akan memberikan keuntungan kepada Malaysia jika peluang ini digunakan sebaik mungkin. Sehubungan dengan itu, aspek ekonomi merupakan faktor yang paling utama dalam hubungan dua hala Malaysia-China kerana dilihat amat berharga dan mampu memberikan kesan positif kepada pembangunan negara menerusi aktiviti perdagangan, pelaburan dan pelancongan bagi membantu negara mengatasi kemelut ekonomi dari semasa ke semasa.

### **Isu dan Kesan Hubungan Malaysia-China Era Najib Razak**

Dalam membincangkan mengenai hubungan dua hala Malaysia-China, terdapat pelbagai isu yang perlu diambil perhatian oleh Malaysia untuk diselesaikan dan diuruskan dengan baik agar tidak mengugat kestabilan hubungan tersebut. Ramli Dollah dan Wan Shawaluddin Wan Hassan (2005) mendapati bahawa terdapat beberapa isu di mana Malaysia dan negara-negara lain mempunyai agenda yang masih belum diselesaikan dengan China. Contohnya, isu ekonomi, isu keselamatan di Laut China Selatan, isu ketelusan China dalam pembangunan tenteranya, isu provokasi dan tindakan ketenteraan China ke atas negara-negara lain dan sebagainya. Menurut Azrul Azlan Abdul Rahman dan Sharifah Munirah Alatas (2017) isu-isu tersebut berlaku akibat daripada persepsi negatif negara-negara ASEAN terhadap China. Keadaan ini berlaku akibat daripada wujudnya konsep "*Assymetrical Multilateralism*" dalam hubungan di antara ASEAN dan China. Hal ini kerana, perbezaan keupayaan China dari aspek ketenteraan, ekonomi atau sosial boleh mengundang persepsi risiko, perhatian dan mengubah tingkah laku interaksi dalam kalangan negara-negara ASEAN khususnya Malaysia.

Namun, bukan perkara di atas sahaja mampu memberikan cabaran kepada hubungan Malaysia-China era Najib Razak, malah isu baharu seperti peristiwa

kehilangan MH370 yang dimiliki oleh Malaysia membawa sebahagian besar penumpang dari China turut memberikan kesan kepada hubungan dua hala Malaysia-China khususnya dalam aspek ekonomi. Kuik Cheng-Chwee (2014) menyatakan bahawa setelah berlakunya peristiwa MH370 pada 8 Mac 2014, terdapat ramai pelancong dan agensi pelancongan utama China memboikot Malaysia kerana gagal mengurus serta menyediakan maklumat yang mencukupi kepada keluarga mangsa yang terlibat di dalam bencana tersebut. Jelasnya, selepas dua minggu peristiwa ini berlaku dapat dilihat bahawa jumlah kemasukan pelancong dari China ke Malaysia turun secara mendadak dan perkara ini mampu memberikan kesan ekonomi kepada Malaysia khususnya dalam sektor pelancongan. Kenyataan ini disokong oleh Oh Ei Sun dan David Han (2016) yang melihat bahawa isu kehilangan MH370, kes penculikan di Sabah dan isu pertindihan wilayah di Laut China Selatan merupakan antara cabaran yang perlu diuruskan dengan baik oleh Malaysia dan China dalam hubungan dua halanya. Walaupun begitu, Pek Koon Heng (2015) melihat bahawa isu kehilangan pesawat MH370 tidak begitu memberikan kesan kepada hubungan politik Malaysia dan China, namun isu pertindihan wilayah di Laut China Selatan perlu ditangani dengan bijak oleh Malaysia kerana keberadaan kapal laut China di wilayah perairan Malaysia sedikit sebanyak telah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan pemikir strategik di Malaysia.

Secara kesimpulannya hubungan dua hala Malaysia-China ini amat berharga kepada kedua-dua negara disebabkan oleh faktor kepentingan nasional khususnya dalam aspek ekonomi. Walaupun begitu, kewujudan isu-isu seperti peristiwa kehilangan pesawat MH370 dan isu pertindihan wilayah di Laut China Selatan mampu memberikan cabaran kepada hubungan dua hala tersebut. Hal ini kerana, walaupun isu-isu tersebut berjaya diuruskan dengan baik oleh kedua-dua negara, tetapi ianya perlu dilakukan secara konsisten dan berterusan. Justeru itu kajian ini cuba melihat sejauhmanakah isu MH370 dan konflik di Laut China Selatan mampu memberikan kesan kepada hubungan Malaysia-China khususnya pada era pentadbiran Najib Razak. Di samping itu, melalui ulasan karya ini juga mendapati bahawa faktor kebergantungan ekonomi merupakan mekanisme yang sangat penting sebagai pemangkin untuk meredakan ketegangan yang timbul hasil daripada isu-isu tersebut. Oleh itu, artikel ini akan melihat sekauhmanakah konsep *complex interdependence* seperti yang diperkenalkan oleh Robert O. Keohane and Joseph S. Nye pada tahun 1970-an mampu menjelaskan persoalan bagaimana faktor kebergantungan dan integrasi ekonomi mampu mengelakkan negara-negara daripada



berkonflik serta tidak menggunakan pendekatan agresif untuk menyelesaikan pertikaian.

## **HASIL KAJIAN**

Kajian ini adalah kajian yang membincangkan hubungan dua hala Malaysia-China era Najib Razak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat bagi merungkai premis kajian yang dibentuk. Kaedah kajian perpustakaan digunakan dalam kajian ini. Maklumat diperolehi melalui sumber-sumber sekunder seperti kajian ke atas buku, jurnal, dokumen dan juga rekod-rekod rasmi tertentu yang berkaitan dengan kajian. Kajian perpustakaan digunakan secara intensif dalam kajian ini.

### **Isu dan Cabaran Hubungan Dua Hala Malaysia-China**

Kajian ini memfokuskan dua isu utama yang menjadi cabaran terhadap hubungan dua hala Malaysia-China. Isu yang menjadi tumpuan ialah tuntutan terhadap Kepulauan Spratly dan juga isu MH370. Kedua-dua isu ini dikupas bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang cabaran yang dihadapi oleh Malaysia-China yang berupaya menggugat hubungan dua hala kedua-dua negara.

Kepulauan Spratly merupakan salah satu daripada empat gugusan kepulauan di Laut China Selatan, yang terletak di antara gugusan Pratas, Paracels, Macclesfield dan Spratly (Obaidellah Mohamad, 2004: 214). Kepulauan Spratly merupakan kawasan yang menjadi rebutan dalam kalangan negara persisiran yang mana, antara negara-negara yang terlibat di dalam tuntutan tersebut ialah China, Taiwan, Filipina, Vietnam dan juga Malaysia (Obaidellah Mohamad, 2004: 214). Namun, di antara kesemua negara-negara yang menuntut wilayah tersebut, China merupakan negara yang paling aktif dalam menunjukkan minat dan kecenderungannya untuk menguasai wilayah tersebut. Isu kepulauan Spratly telah muncul di dalam hubungan Malaysia-China apabila Malaysia bertindak mengeluarkan peta rasminya pada tahun 1979 (Bateman dan Emmers, 2009: 22). Melalui peta tersebut Malaysia telah menunjukkan beberapa tuntutan ke atas beberapa buah pulau dan terumbu di kawasan tersebut termasuklah Amboyna Cay (Pulau Kecil Amboyna), Commodore Reef (Terumbu Laksamana) dan Swallow Reef (Terumbu Layang-Layang) (Chi-Kin Lo, 1989: 155). Walau bagaimanapun, isu ini sebenarnya telah pun berlaku secara tidak rasmi pada waktu



sebelum peta tersebut dikeluarkan iaitu pada tahun 1975, apabila Malaysia telah memprotes tindakan China yang mewujudkan '*national boundaries*' di Laut China Selatan yang berhampiran dengan Sabah dan Sarawak (Chi-Kin Lo, 1989: 155).

Seterusnya, wilayah ini menjadi tuntutan kepada negara-negara persisiran pantai khususnya Malaysia dan China kerana mempunyai nilai strategi dan nilai ekonomi yang sangat penting dan ianya terdapat di gugusan kepulauan tersebut (Obaidellah Mohamad, 2004: 214). Hal ini kerana, wilayah tersebut dipercayai mempunyai potensi penemuan petroleum, gas dan juga bahan-bahan organik serta sumber perikanan yang tinggi kepada perusahaan perikanan (Obaidellah Mohamad, 2004: 214). Secara tidak langsung, keunikan dan potensi yang ada pada kawasan tersebut telah menjadi faktor yang paling utama kepada negara-negara persisiran seperti China, Vietnam, Filipina, Malaysia dan Taiwan untuk melakukan tuntutan. Tambahan lagi, dari segi nilai strategik pula dilihat bahawa sekiranya terdapat sesebuah negara berjaya menguasai gugusan Spratly, maka negara tersebut akan dapat menguasai laluan kapal di Laut China Selatan (Obaidellah Mohamad, 2004: 215).

Dalam pada itu, wilayah tersebut menjadi rebutan kepada sesetengah negara seperti Vietnam dan Filipina kerana ianya mampu mempengaruhi keselamatan negara masing-masing (Obaidellah Mohamad, 2004: 215). Sehubungan dengan itu, nilai strategik yang ada pada gugusan kepulauan Spratly tersebut secara tidak langsung mempunyai potensi untuk menyebabkan berlakunya isu yang lebih serius dan melibatkan konflik bersenjata. Buktinya, potensi ini boleh dilihat menerusi peristiwa yang berlaku di antara negara penuntut iaitu China dan Vietnam apabila isu ini menyebabkan berlakunya konflik bersenjata di antara kedua-dua negara tersebut pada tahun 1974 dan 1988 (Obaidellah Mohamad, 2004: 215). Oleh itu, dalam konteks hubungan dua hala Malaysia-China, potensi konflik yang ada di dalam isu tuntutan bertindih tersebut seharusnya menjadi peringatan kepada negara ini supaya sentiasa berhati-hati dalam melaksanakan dasar luarnya terhadap wilayah tersebut.

Sehubungan dengan itu, kesan isu tuntutan di kepulauan Spartly kepada hubungan Malaysia-China era Najib Razak dapat dilihat melalui potensi berlakunya ketegangan akibat daripada persepsi negatif antara kedua-dua negara terhadap satu sama lain khususnya dalam usaha menguruskan isu tersebut. Hal ini kerana, kewujudan persepsi negatif di antara Malaysia dan China mengenai perkara ini mampu mengheret kedua-duanya ke dalam konflik yang lebih serius kerana ianya mampu mengancam

keselamatan serta kedaulatan sesebuah negara. Sebagai contoh, tindakan ini boleh dilihat pada bulan Jun 1983, apabila Malaysia telah bertindak untuk meletakkan 20 orang komando di Terumbu Layang-layang (Ramli Dollah, n.d: 286). Natijahnya, tindakan ini telah mendapat reaksi negatif dari pemimpin China. Hal ini kerana, Menteri Luar China pada masa itu telah menyatakan bahawa wilayah tersebut (kawasan laut ataupun sumber) merupakan sebahagian daripada China (Ramli Dollah, n.d: 286). Rentetan daripada itu, China telah menghantar nota bantahan kepada Malaysia yang menyebut '*unilateral demarcation without negotiating with the government of China constitutes a violation of China's sovereignty*' (Ramli Dollah, n.d: 286).

Berdasarkan peristiwa di atas, dapat dilihat bahawa sekiranya Malaysia tidak berhati-hati dalam merangka strategi untuk melakukan tuntutan terhadap wilayah tersebut, maka ini akan mengundang persepsi negatif China terhadap Malaysia bukan hanya dalam soal menguruskan isu tersebut, malah ianya turut akan memberikan kesan kepada kerjasama dalam pelbagai aspek pada masa-masa yang akan datang. Hal ini kerana, isu yang membabitkan keselamatan dan kedaulatan merupakan perkara yang amat sensitif kepada negara-negara dunia. Selain daripada menimbulkan persepsi negatif, isu ini juga mampu memberikan kesan kepada hubungan dua hala Malaysia dan China dalam konteks keselamatan dan ekonomi. Dari segi keselamatan, walaupun kerjasama keselamatan di antara Malaysia dan China dilihat bertambah baik pada era pentadbiran Najib Razak, namun bagi Malaysia isu-isu yang melibatkan potensi peperangan di Spratly, Taiwan ataupun di mana-mana kawasan yang melibatkan China akan tetap dilihat sebagai satu masalah dan ancaman kepada Malaysia (Obaidellah Mohamad, 2004: 154). Dalam erti kata lain, isu-isu yang berlaku di peringkat serantau khususnya konflik di Laut China Selatan yang melibatkan China boleh memberikan kesan langsung ataupun tidak langsung kepada Malaysia.

Manakala, dalam konteks ekonomi pula, Malaysia melihat bahawa status ataupun kedudukan China sebagai rakan dagangan terbesar di Malaysia merupakan perkara yang penting untuk dilindungi. Hal ini kerana, sekiranya negara kuasa besar dalam aspek ekonomi ini terjebak di dalam mana-mana peperangan ataupun konflik yang lebih serius terutamanya di wilayah Laut China Selatan ini, sudah pasti ianya akan memberikan kesan yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara ini khususnya yang melibatkan aktiviti perdagangan dan perlaburan (Obaidellah Mohamad, 2004: 154). Oleh itu, sekiranya salah satu ataupun kedua-dua negara tersebut iaitu Malaysia dan China terjebak di dalam konflik yang lebih serius, maka sudah pasti ianya akan

menjejaskan peluang kepada mereka untuk menjalinkan hubungan dua hala yang progresif di peringkat yang lebih tinggi dalam pelbagai aspek pada masa akan datang.

Selain daripada isu tuntutan bertindih di kepulauan Spratly, isu kehilangan pesawat MH370 turut menjadi salah satu cabaran kepada Malaysia untuk mengukuhkan hubungan dua hala mereka pada masa akan datang. Tragedi kehilangan ini telah melibatkan pesawat milik Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), iaitu MH370 jenis Boeing 777-200 yang telah hilang bersama-sama dengan 239 penumpang dan anak kapal ketika dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing pada 8 Mac 2014 (Mohamed Hadi, 2016: 3). Pesawat tersebut dilaporkan hilang daripada radar awam Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) pada 1.30 pagi 120 nautika di timur perairan Kota Bharu, Kelantan (Sinar Harian Online, 2014). Oleh itu, pada hari yang sama juga Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) telah dilakukan pada 5.30 pagi yang melibatkan 15 pesawat TUDM, termasuk empat Hercules C130, sebuah CN 235, empat EC 725, dua helikopter Augusta serta enam kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan tiga kapal Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) (Sinar Harian Online, 2014).

Menurut kenyataan rasmi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MAS iaitu Ahmad Jauhari sewaktu sidang akhbar menyatakan bahawa kesemua mangsa yang terlibat di dalam tragedi kehilangan pesawat MH370 itu terdiri daripada 38 rakyat Malaysia dan 153 rakyat China (Sinar Harian Online, 2014). Selain itu, jumlah tersebut juga merangkumi jumlah mangsa daripada negara-negara lain iaitu 12 rakyat Indonesia, 7 rakyat Australia, 3 rakyat Perancis, 3 rakyat Amerika Syarikat, 2 rakyat New Zealand, 2 rakyat Ukraine, 2 rakyat Kanada, 1 rakyat Rusia, 1 rakyat Itali, 1 rakyat Taiwan, 1 rakyat Belanda dan 1 rakyat Austria (Sinar Harian Online, 2014). Seterusnya, walaupun usaha pencarian pesawat tersebut telah melibatkan 26 negara, sehingga ke saat ini usaha pencarian masih lagi diteruskan dan masih belum menemui apa-apa petunjuk yang meyakinkan, meskipun pihak kerajaan Malaysia pada 24 Mac 2014 mengumumkan bahawa penerbangan pesawat MH370 yang malang itu berakhir di selatan Lautan Hindi (Mohamed Hadi, 2016: 3). Justeru, Selepas 327 hari pesawat malang tersebut hilang, akhirnya pada 29 Januari 2015 Kerajaan Malaysia mengisytiharkan bahawa semua 239 penumpang dan anak kapal MH370 yang hilang telah terkorban (Mohamed Hadi, 2016: 3). Tragedi ini disahkan sebagai kemalangan mengikut Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa.

Berdasarkan jumlah mangsa yang membabitkan majoriti warganegara China, secara tidak langsung isu ini sedikit sebanyak telah memberikan kesan kepada hubungan dua hala Malaysia dan China khususnya pada era pentadbiran Najib Razak. Hal ini kerana, pengkaji mendapati bahawa isu yang mendapat perhatian masyarakat antarabangsa ini telah memberikan impak kepada hubungan kedua-dua negara dari segi aspek kerjasama ekonomi dan sosial. Dalam konteks ekonomi, isu kehilangan MH370 ini telah memberikan kesan langsung kepada kerjasama ekonomi Malaysia-China terutamanya dalam sektor pelancongan (Kuik, 2017). Oleh itu, keadaan ini telah memberikan impak terhadap ekonomi Malaysia pada tahun-tahun awal setelah isu tersebut berlaku. Rentetan daripada peristiwa malang tersebut, imej positif Malaysia sebagai destinasi pelancongan kepada pelancong China sedikit terjejas. Buktinya, Kuik (2017) berpendapat bahawa kebanyakan pelancong dan agensi pelancongan daripada China telah memboikot Malaysia sebagai destinasi pelancongan kerana mereka berpendapat bahawa Malaysia tidak memainkan peranan dengan baik dalam usaha melakukan siasatan ke atas kehilangan pesawat MH370. Di samping itu, tindakan itu juga dilakukan oleh warga China kerana tidak berpuas hati dengan maklumat yang diberikan oleh Malaysia mengenai insiden tersebut (Kuik, 2017).

Kesannya, dilihat bahawa selepas dua minggu kejadian kehilangan pesawat MH370 berlaku, tiga agensi pelancongan utama di China iaitu *China International Travel Service*, *China Youth Travel Service* dan *BTG International Travel and Tours* telah melaporkan bahawa berlaku penurunan yang sangat ketara terhadap jumlah kedatangan warga China ke Malaysia (South China Morning Post, 2014). Sehubungan dengan itu, penurunan jumlah pelancong tersebut dianggap sebagai satu kerugian besar kepada Malaysia kerana China merupakan negara ketiga terbesar dalam menyumbang jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia. Menurut Luo Juan iaitu seorang penganalisis pasaran meramalkan bahawa jumlah kedatangan pelancong China ke Malaysia pada tahun tersebut akan menurun kira-kira 20 sehingga 40 peratus, di mana jumlah peratusan tersebut mewakili kira-kira 400,000 sehingga 800,000 pelancong (South China Morning Post, 2014). Beliau juga berpendapat sekiranya jumlah purata perbelanjaan setiap pelancong tersebut sebanyak 10,000 Yuan, maka Malaysia telah mengalami kerugian sebanyak 4 sehingga 8 bilion Yuan daripada pelancong China (South China Morning Post, 2014). Daripada angka ini dapat diperhatikan bahawa isu kehilangan yang membabitkan majoriti penumpang daripada China ini secara tidak langsung telah memberikan kesan kepada kutipan pendapatan Malaysia melalui sektor pelancongan (Bernama, 2014).

Dalam pada itu, kejadian ini juga dianggap menjejaskan industri pelancongan Malaysia kerana menurut Ge Lei, Pengarah Pemasaran syarikat *China Youth Travel Service* menyatakan bahawa setelah berlakunya kejadian tersebut bilangan pertanyaan dan tempahan perjalanan ke Malaysia telah jatuh kepada angka sifar, walaupun pada masa tersebut merupakan musim untuk pergi melancong ke Malaysia (South China Morning Post, 2014). Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa isu kehilangan pesawat MH370 ini sememangnya memberikan kesan kepada pendapatan Malaysia dalam industri pelancongan sekaligus, berpotensi merencatkan kerjasama ekonomi Malaysia dan China khususnya pada tahun semasa berlakunya insiden tersebut.

Selain daripada aspek ekonomi, isu ini juga turut memberikan kesan kepada hubungan dua hala Malaysia-China dalam aspek sosial. Hal ini kerana, sedikit sebanyak peristiwa hitam ini telah mewujudkan situasi di mana persepsi negatif dalam kalangan masyarakat China terhadap Malaysia mula timbul. Pengkaji mendapati bahawa persepsi ini mula wujud dalam kalangan masyarakat China apabila kebanyakan warga China menuduh Malaysia sebagai tidak cekap, tidak telus dan juga menipu kerana dianggap telah memberikan kenyataan yang bercanggah mengenai peristiwa tersebut (Kuik, 2017). Justeru, keadaan ini telah menyebabkan ramai masyarakat China khususnya waris mangsa yang terlibat di dalam kemalangan tersebut bertindak melakukan tunjuk perasaan dan bantahan di perkarangan Kedutaan Malaysia di Beijing (Kuik, 2017). Oleh itu, sekiranya persepsi negatif ini kekal dalam kalangan masyarakat China, ianya berkemungkinan mampu memberikan implikasi kepada hubungan baik Malaysia-China dalam aspek sosial semasa era pentadbiran Najib Razak. Tambahan lagi, menurut ulasan *the Washington Post* kerajaan China pada ketika itu seolah-olah bertindak mengambil peluang ke atas kemarahan keluarga mangsa dan orang awam terhadap isu ini bagi meningkatkan lagi semangat nasionalisme (Kuik, 2017). Sekiranya dakwaan tersebut benar maka, jelas menunjukkan bahawa insiden ini mempunyai potensi yang sangat besar untuk memberikan kesan yang buruk terhadap hubungan sosial rakyat Malaysia-China sekaligus, mampu menjejaskan usaha kedua-dua negara tersebut dalam mewujudkan hubungan dua hala Malaysia-China yang lebih baik pada masa akan datang.

### **Faktor Pengukuh Hubungan Dua Hala Malaysia-China**

Berdasarkan perbincangan di atas, isu kehilangan pesawat MH370 dan konflik di Laut China Selatan sememangnya memberikan kesan langsung mahupun tidak

langsung kepada hubungan dua hala Malaysia-China pada era Najib Razak. Oleh itu, hubungan dua hala Malaysia- China perlu dipelihara dan disuburkan dengan pelbagai pendekatan yang positif supaya ianya tidak menjejaskan jalinan persahabatan tersebut. Oleh itu, dapatan kajian ini mendapati walaupun terdapat pelbagai cabaran di sepanjang hubungan dua hala kedua-dua negara ini berlangsung, terdapat beberapa faktor pengukuh telah wujud bagi memastikan ketegangan yang lahir daripada isu MH370 dan konflik Laut China Selatan dapat diuruskan dengan baik tanpa melibatkan sebarang tindakan agresif oleh kedua-dua negara. Justeru, bagi membincangkan perkara ini pengkaji melihat bahawa konsep *complex interdependence* yang diperkenalkan oleh Robert O. Keohane dan Joseph S. Nye pada lewat tahun 1970-an mampu menerangkan faktor-faktor pengukuh dalam hubungan dua hala Malaysia dan China khususnya semasa era pentadbiran Najib Razak.

### *Saling Kebergantungan Ekonomi*

Dalam membincangkan persoalan mengenai hubungan dua hala Malaysia-China era Najib Razak ini, aspek ekonomi merupakan faktor yang paling utama kepada kedua-dua negara untuk berusaha memastikan kerjasama tersebut dapat dikekalkan dalam suasana yang harmoni. Hal ini kerana, saling kebergantungan ekonomi yang ada pada kedua-dua negara merupakan salah satu mekanisme untuk mencapai kepentingan nasional khususnya dalam pembangunan ekonomi di peringkat domestik dan antarabangsa. Justeru, sejak hubungan ini dibentuk pada 31 Mei 1974, dilihat bahawa terdapat banyak kerjasama, perjanjian perdagangan dan persefahaman yang telah berjaya dibentuk oleh kedua-dua negara. Oleh sebab itu, pembentukan dasar luar Malaysia dan China yang dilihat amat mementingkan kerjasama ekonomi ini mampu menjadi asas untuk terus kekal bertoleransi dan menghormati antara satu sama lain walaupun terdapat ketegangan yang wujud hasil daripada isu-isu pada masa kini. Menurut Keohane dan Nye, di dalam era kebergantungan ini, sifat ataupun corak hubungan antarabangsa telah berubah dan dunia pada ketika ini dilihat mempunyai elemen kebergantungan yang sangat tinggi di dalam pelbagai aspek khususnya ekonomi (Waheeda Rana, 2015: 290). Tambahan lagi, kerjasama negara di peringkat antarabangsa ataupun serantau banyak memberikan pelbagai manfaat kepada sesebuah negara terutamanya melalui perdagangan antarabangsa (Rizal Zamani Idris & Rafiq Idris, 2014: 81).

Oleh itu, kerjasama di antara Malaysia dan China yang amat mementingkan aspek ekonomi ini dilihat telah berjaya meredakan ketegangan yang berlaku akibat daripada isu-isu yang berlaku pada masa kini khususnya semasa era Najib Razak. Pengkaji mendapati dalam konteks hubungan dua hala Malaysia-China, ianya dilihat lebih mengutamakan soal kebajikan dan perdagangan dalam pembentukan dasar luarnya berbanding isu-isu yang berkaitan dengan status dan keselamatan. Sebagai contoh, bagi Malaysia perdagangan merupakan aspek paling utama yang perlu ditekankan ketika menjalinkan hubungan kerjasama dengan China. Hal ini kerana, melalui kerjasama ekonomi dengan China, negara ini mampu menjana pendapatannya melalui aktiviti perdagangan dan perlaburan dengan negara tersebut. Jumlah penduduk China yang mencapai kira-kira 1.3 billion orang ini secara tidak langsung melambangkan bahawa ianya mempunyai potensi yang begitu besar dan perlu diterokai oleh Malaysia melalui strategi pasaran yang cekap (K.S. Balakrishnan, 2004: 155). Selain itu, perkara ini mampu memberikan keuntungan kepada Malaysia apabila kemasukan China ke dalam World Trade Organization (WTO) telah memberi jaminan yang begitu kukuh di mana Beijing mengiktiraf sepenuhnya sistem ekonomi pasaran bebas dalam era globalisasi (K.S. Balakrishnan, 2004: 155).

Manakala, bagi pihak China pula potensi pasaran yang ada pada Malaysia amat penting kepada aktiviti eksport negara mereka khususnya yang melibatkan barangan komoditi seperti benih, jagung, arang batu, bahan-bahan logam, kayu balak, tekstil dan lain-lain (K.S. Balakrishnan, 2004: 155). Di samping itu, kerjasama ekonomi dengan Malaysia juga dilihat penting oleh China kerana ianya merupakan sumber kepada China untuk mendapatkan komoditi minyak sawit. Hal ini kerana, sumber komoditi itu amat penting kepada China bagi memastikan perjalanan sektor pengilangan barangan dan industri pemakanan negara tersebut yang sangat bergantung kepada minyak sawit berbanding minyak sayuran lain dapat dilaksanakan dengan efektif (K.S. Balakrishnan, 2004: 155).

Justeru, berdasarkan kepentingan-kepentingan yang dibincangkan di atas, kerjasama ekonomi melalui aktiviti perdagangan merupakan perkara yang amat signifikan kepada Malaysia dan China. Oleh itu, hubungan saling kebergantungan dalam sektor ekonomi ini sedikit sebanyak telah menjadi asas kepada kedua-dua negara untuk bertoleransi antara satu sama lain khususnya apabila berlaku isu-isu seperti peristiwa kehilangan pesawat MH370 dan konflik yang berlaku di kepulauan Spratly. Situasi ini dilihat bertepatan dengan para pemikir neo-liberal yang menghujahkan



bahawa integrasi global dan saling bergantung ekonomi yang berasaskan kepada perdagangan bagi mencapai manfaat bersama akan memupuk hubungan yang aman dalam kalangan negara-negara di peringkat antarabangsa (Rizal Zamani Idris & Rafiq Idris, 2014: 81). Tambahan lagi, negara-negara seperti Malaysia dan China ini mempunyai kesedaran bahawa pendekatan provokatif dan keganasan untuk menyelesaikan sesuatu isu hanya akan merugikan kedua-dua belah pihak, sekaligus menjejaskan hubungan baik mereka dalam aspek kerjasama ekonomi (Owen, 2012: 115).

Oleh sebab itu, saling kebergantungan ekonomi yang wujud di antara Malaysia dan China menyebabkan kedua-dua negara lebih cenderung untuk menggunakan pendekatan yang bersederhana ketika menghadapi krisis yang berpotensi mencetuskan ketegangan di antara mereka. Pengkaji juga mendapati bahawa hubungan ekonomi yang rapat di antara negara-negara di peringkat serantau dilihat sebagai penentu utama kepada keamanan antarabangsa. Hal ini kerana, dengan memperluaskan kebergantungan ekonomi melalui perdagangan bebas antara negara, kerjasama dan usaha mencapai keamanan dilihat lebih praktikal untuk direalisasikan, sekaligus dapat mengurangkan ketegangan hubungan di antara negara Malaysia dan China. Dalam erti kata lain, lebih tinggi tahap kebergantungan ekonomi di antara negara, maka kemungkinan untuk negara bersengketa antara satu sama lain akan lebih rendah. Hubungan saling kebergantungan yang kompleks di antara Malaysia dan China dalam aspek ekonomi telah memupuk sifat cintakan perdamaian serta komited untuk menggunakan pendekatan perundingan dalam menyelesaikan masalah yang berlaku di antara mereka. Ringkasnya, apabila hubungan saling kebergantungan yang kompleks antara negara berlaku, kuasa ketenteraan tidak lagi relevan untuk digunakan bagi menyelesaikan masalah perbezaan pendapat dalam sesuatu isu yang berkaitan dengan ekonomi khususnya dalam kalangan negara yang menjalankan pakatan (Waheeda Rana, 2015: 292). Dalam pada itu, saling kebergantungan ekonomi melalui perdagangan bebas ini juga secara tidak langsung dapat menyatukan masyarakat antarabangsa. Perkara ini dapat dilihat menerusi kata-kata Immanuel Kant yang menyatakan bahawa:

*“Trade...would increase the wealth and power of the peace loving, productive sections of the population at the expense of the war - oriented aristocracy, and would bring men of different nations into constant contact with one another; contact which would make clear to all of them their fundamental community of interest”* (Howard, 1978: 20).

Berdasarkan kenyataan di atas, jelaslah bahawa perdagangan bebas menyatukan hubungan masyarakat dalam sistem antarabangsa melalui kerjasama yang pelbagai dan berterusan untuk memenuhi keperluan mereka di peringkat domestik mahupun global. Justeru, pergerakan bebas komoditi, modal dan buruh akan dapat menyelesaikan ancaman konflik (Howard, 1978: 20). Walaupun begitu, ketegangan hubungan di antara negara bukanlah sesuatu yang boleh dielakkan secara total namun, kuasa ketenteraan bukan lagi merupakan cara yang paling sesuai untuk mencapai matlamat bagi sesebuah negara seperti kebijakan ekonomi dan ekologi yang mana ianya sangat penting kerana penggunaan kuasa ketenteraan amat memberikan kesan yang sangat mahal dan berisiko (Waheeda Rana, 2015: 293). Dalam konteks dunia hari ini, semua aktor menyedari bahawa penggunaan nuklear moden, senjata biologi dan kimia melibatkan kos yang sangat tinggi sekiranya ingin terlibat dalam peperangan (Keohane & Nye, 1977: 28). Oleh itu, apabila Malaysia dan China menyedari bahawa penggunaan ketenteraan hanya akan menelan kos yang sangat tinggi, maka kedua-dua negara tersebut lebih cenderung untuk menggunakan pendekatan diplomasi ataupun perbincangan dalam menyelesaikan isu-isu yang berbangkit. Dengan ini, kesedaran yang timbul hasil daripada faktor saling kebergantungan ekonomi ini telah berjaya mengurangkan ketegangan yang berlaku di antara Malaysia dan China khususnya dalam isu kehilangan pesawat MH370 dan konflik di Laut China Selatan.

### *Pendekatan Diplomasi*

Faktor pengukuh kedua yang memainkan peranan penting dalam meredakan ketegangan di dalam hubungan Malaysia-China ekoran daripada isu tuntutan bertindih di kepulauan Spratly dan tragedi kehilangan pesawat MH370 ini dapat dilihat menerusi pendekatan diplomasi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut. Diplomasi adalah satu amalan perundingan dan perbincangan antara negara atau wakil yang dilantik oleh negara di mana ianya merujuk kepada komunikasi dan rundingan di peringkat antarabangsa berkenaan dengan isu-isu yang berbangkit seperti perdagangan, kebudayaan, perdamaian dan peperangan (Peters, 2014: 91-92). Di samping itu, melalui pendekatan diplomasi wakil negara ataupun diplomat akan mengenal pasti kepentingan bertindih atau bercanggah, sekaligus berusaha mencari jalan penyelesaian melalui perbincangan, pertukaran pendapat, kompromi serta hujah dan pujukan (Peters, 2014: 91-92). Dalam konteks hubungan Malaysia-China era Najib Razak, pendekatan diplomasi telah diamalkan oleh kedua-dua negara bagi mengurangkan ketegangan serta

mencari jalan penyelesaian dalam isu-isu berbangkit seperti isu kehilangan pesawat MH370 dan konflik di Laut China Selatan.

Buktinya, sewaktu sidang media Awani bersama Dr. Roy Anthony Rogers, mantan Ketua Jabatan Antarabangsa dan Pengajian Strategik Universiti Malaya. Beliau menyatakan bahawa untuk menghadapi isu di kepulauan Spratly, kerajaan Malaysia telah menjalankan sebuah polisi yang dikenali sebagai '*silent diplomacy*' (Astro Awani, 2014). Di mana, walaupun Malaysia dilihat masih meneruskan tuntutan wilayah di Laut China Selatan, namun dalam pada masa yang sama, kerajaan Malaysia tidak mengamalkan sikap yang agresif dan tidak meminta bantuan daripada kuasa luar dalam usaha melakukan tuntutan tersebut (Astro Awani, 2014). Dalam erti kata lain, Malaysia telah mengambil langkah untuk tidak membesar-besarkan isu tersebut, sebaliknya menggunakan kaedah diplomasi untuk menghadapi masalah yang berlaku. Oleh itu, pendekatan yang digunakan oleh Malaysia ini telah berjaya mewujudkan suasana yang aman di antara Malaysia dan China khususnya dalam mengurus isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan. Pendekatan tersebut bukan sahaja berjaya mewujudkan suasana yang aman, malah usaha tersebut telah dipuji oleh kerajaan China. Menurut mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Najib Razak, China menghargai pendekatan '*Diplomasi Senyap*' yang dilaksanakan oleh Malaysia dalam mengendalikan isu Laut China Selatan. Hal ini kerana, menurut beliau China menyukai pendekatan bukan konfrontasi Malaysia dengan menggunakan diplomasi sebagai instrumen utama untuk menyelesaikan isu yang rumit.

Sehubungan dengan itu, keadaan tersebut telah menyebabkan kepercayaan Malaysia dan China terhadap satu sama lain semakin kukuh, sekaligus dapat meredakan ketegangan yang berlaku akibat daripada isu tersebut. Hal ini kerana, pendekatan yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia ini amat bertepatan dengan pendirian China mengenai isu tuntutan bertindih di kepulauan Spratly. China menganggap bahawa isu tersebut haruslah diselesaikan melalui rundingan tanpa melibatkan campurtangan kuasa luar, dan usaha sama harus dilakukan dengan cara terbaik (Lukman Thaib, 2004: 224). Manakala, dalam konteks isu kehilangan pesawat MH370 pula, '*Diplomasi Panda*' yang dijalankan oleh Malaysia dan China sedikit sebanyak telah menjadi simbolik kepada keakraban hubungan dua hala kedua-dua negara bagi meredakan ketegangan yang berlaku. Di mana, pada tahun 2014, dua ekor panda gergasi dari China iaitu Fu Wa dan Feng Yi telah dipinjamkan kepada Malaysia melalui Program Perjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa Panda Gergasi (Utusan Online, 2014).

Selain itu, pendekatan diplomasi bukan sahaja digunakan di peringkat hubungan Malaysia-China pada era Najib Razak untuk menyelesaikan isu yang berbangkit, malah turut digunakan di peringkat serantau melalui ASEAN (Lukman Thaib, 2004: 224). Sebagai contoh, melalui penyertaan China bersama-sama rakan dialog ke dalam Asian Regional Forum (ARF) telah menunjukkan bahawa hubungan pertahanan dan keselamatan yang jitu di rantau ini telah berjaya diwujudkan khususnya dalam konteks hubungan Malaysia-China (Lukman Thaib, 2004: 224). Melalui dialog ini segala isu yang berkaitan dengan keselamatan serantau sedikit sebanyak telah diselesaikan dengan cara terbaik, di samping menekankan bahawa segala pertikaian dan konflik haruslah melalui perundingan sama ada di peringkat ASEAN ataupun melalui kerajaan sesebuah negara dari rantau ini (Lukman Thaib, 2004: 224).

Justeru, pendekatan diplomasi yang telah menjadi budaya dalam ASEAN ini, secara tidak langsung telah memupuk semangat kerjasama dan toleransi dalam hubungan Malaysia-China khususnya apabila membicarakan mengenai isu kepulauan Spratly dan MH370. Maka, peranan yang dimainkan oleh ASEAN ini telah menunjukkan bahawa penglibatan aktor transnasional adalah sama penting dengan aktor negara seperti yang diutarakan oleh konsep *complex interdependence* yang menyetengahkan kepentingan rejim dan institusi antarabangsa dalam memainkan peranan di peringkat global.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa hubungan Malaysia-China era pentadbiran mantan Perdana Menteri Malaysia ke-6 iaitu Najib Razak merupakan sebuah legasi ataupun kesinambungan yang telah diwujudkan oleh ayahnya sendiri iaitu Tun Abdul Razak ketika menjadi Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Di mana, hubungan persahabatan ini telah berjaya diwujudkan pada 31 Mei 1974 sewaktu beliau mengadakan lawatan rasmi ke negara tersebut. Sejak itu, hubungan dua hala ini bukan sahaja banyak memberikan impak yang positif kepada Malaysia, malah turut kepada China terutamanya dalam aspek ekonomi. Hal ini kerana, status China sebagai kuasa gergasi ekonomi dunia secara tidak langsung telah memberikan impak yang signifikan kepada Malaysia untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi nasional melalui aktiviti perdagangan dan pelaburan sehingga ke hari ini. Oleh itu, keistimewaan yang ada pada China ini juga boleh dikatakan sebagai medium kepada Malaysia untuk

mengembangkan lagi potensi ekonomi negara bagi memastikan kepentingan nasional iaitu menuju ke arah status negara berpendapatan tinggi dapat direalisasikan.

Namun, walaupun hubungan dua hala Malaysia-China ini dilihat positif kewujudan isu-isu seperti peristiwa kehilangan pesawat MH370 dan konflik di laut China selatan telah memberikan cabaran kepada kedua-dua negara tersebut untuk memastikan kerjasama mereka kekal aman dan harmoni. Hal ini kerana, kedua-dua isu tersebut dilihat telah memberikan impak kepada hubungan tersebut dari segi ekonomi, politik, keselamatan dan sosial. Justeru, sekiranya pendekatan yang proaktif tidak digunakan oleh Malaysia dan China untuk menguruskan isu-isu tersebut, maka potensi untuk kedua-duanya berkonflik amat tinggi dan jika perkara ini berlaku ianya pasti akan menjejaskan usaha mereka untuk menjalankan kerjasama yang produktif dan lancar dalam pelbagai aspek.

Kajian ini mendapati bahawa faktor-faktor pengukuh seperti saling kebergantungan ekonomi dan pendekatan diplomasi telah membantu mengurangkan ketegangan di antara Malaysia dan China dalam konteks isu kehilangan pesawat MH370 dan konflik di Laut China Selatan. Walau bagaimanapun, kewujudan faktor-faktor tersebut bukanlah jaminan yang mutlak kepada Malaysia dan China untuk mengadakan hubungan dua hala yang mementingkan keamanan dan toleransi. Dengan itu, pengkaji berpendapat bahawa usaha-usaha yang dapat merapatkan hubungan dua hala tersebut perlu diteruskan oleh Malaysia dan China bukan hanya semasa pentadbiran mantan Perdana Menteri Najib Razak sahaja, malah ianya harus digiatkan lagi pada masa-masa yang akan datang.

### ***Rujukan***

- Bateman, S., & Emmers, R. (2009). *Security and International Politics in the South China Sea: Towards a cooperative management regime*. London: Routledge.
- Bernama. (2014). *Kemasukan Pelancong China ke Malaysia Terjejas* dlm. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/04/09/kemasukan-pelancong-china-terjejas>. 9 April 2014.
- Cheng-Chwee Kuik. (2014). *Malaysia-China Relations after MH370: Policy Change or Business as Usual?* dlm. <http://www.theasanforum.org/malaysia-china-relations-after-mh370-policy-change-or-business-as-usual/>. 20 Jun 2017.

- Chi-Kin Lo. (1989). *China's Policy towards Territorial Disputes: The Case of the South China Sea Islands*. New York: Routledge.
- Hisham Kamal Othman Kamal, Nor Azizan Idris & Zarina Othman. (2016). Peranan dan Tanggungjawab Antarabangsa China Sebagai Negara Berkuasa Besar. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (7): 34-46.
- Howard, M. E. (1978). *War and the Liberal Conscience*. London: Temple Smith.
- Ishak Saat. (2014). Tun Abdul Razak Hussien: Survival Politik Melayu 1963-1979. *Jurnal Perspektif*, Vol 6 (3): 122-137.
- Abdul Ghani. (2014). Persepsi Politik dalam Pilihan Raya Umum 2013: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 9 (2): 135-161.
- K. S. Balakrishnan. Hubungan Malaysia-China Dalam Era Mahathir: Dimensi Dasar Luar, Keselamatan dan kepentingan Ekonomi dalam Obaidellah Mohamed. (2004). *China: Isu dan Hubungan luar*. Kuala Lumpur: Institut Pengajian China Universiti Malaya.
- Keohane, R. O., & Nye, J. S. (1977). *Power and Interdependence: World Politics in Transition*. Boston: Little, Brown & Co.
- Lukman Thaib. Kedinamikan Hubungan ASEAN-China: Rujukan Khas ke Atas Malaysia dalam Obaidellah Mohamed. (2004). *China: Isu dan Hubungan Luar*. Kuala Lumpur: Institut Pengajian China Universiti Malaya.
- Mohamed Hadi Abd. Hamid. (2016). Al-Mafqud dan Tragedi MH370: Satu Sorotan Terhadap Implikasi Tragedi dari Sudut Perlindungan Takaful. *Jurnal Undang-Undang Malaysia*, Vol 28 (1): 1-15.
- Mohd Khalil Yaakob & Syaimak Ismail. (2017). Hubungan Diplomatik Melaka-China pada abad Ke-15 dan Kesenambungan Kerjasama Melaka-China Abad ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences*, Vol 2: 130-143.
- Obaidellah Mohamed. (2004). *China: Isu dan Hubungan Luar*. Kuala Lumpur: Institut Pengajian China Universiti Malaya.
- Oh Ei Sun & David Han. (2016). *Malaysia's Relations with the Major Powers: China and the United States* dlm. [https://www.rsis.edu.sg/wpcontent/uploads/2016/03/Malaysia Update-March-2016\\_Copy\\_Finalised.pdf](https://www.rsis.edu.sg/wpcontent/uploads/2016/03/Malaysia_Update-March-2016_Copy_Finalised.pdf). 20 Julai 2018.
- Owen, J. M., Economic Interdependence and Regional Peace dalam T. V. Paul. (2012). *International Relations Theory and Regional Transformation*. New York: Cambridge University Press.

- Pek Koon Heng. (2015). *Hearing on China's Relations with Southeast Asia* dlm. [https://www.uscc.gov/sites/default/files/Heng\\_Written%20Testimony\\_5.13.2015%20Heaing.pdf](https://www.uscc.gov/sites/default/files/Heng_Written%20Testimony_5.13.2015%20Heaing.pdf). 20 Julai 2018.
- Peters, D., *Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa dalam Ramli Dollah & Marja Azlima Omar. (2014). Asas Hubungan Antarabangsa. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.*
- Ramli Dollah & Wan Shawaluddin Wan Hassan. (2005). "Teori Ancaman China dan Hubungan Ekonomi Malaysia China". *Journal of International Studies*, Vol 1: 77-108.
- Rizal Zamani Idris & Rafiq Idris. *International Political Economy (IPE): Satu Pengenalan dalam Ramli Dollah & Marja Azlima Omar. (2014). Asas Hubungan Antarabangsa. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.*
- Rusdi Omar. (2006). China dan Kuasa Hegemoni Baru Ekonomi. *International Journal of Management Studies*, **14** (1): 1-38.
- South China Morning Post. (2014). *Chinese Tourists Boycott Malaysia in Wake of MH370 disappearance* dlm. <http://www.scmp.com/article/1457902/malaysia-tourism-hit-sharp-drop-chinese-visitors-wake-mh370-incident>. 20 Jun 2018.
- Utusan Online. (2014). *Diplomasi Panda Malaysia-China* dlm. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140522/re\\_01/Diplomasi-panda-Malaysia-China](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140522/re_01/Diplomasi-panda-Malaysia-China). 20 Jun 2018.
- Waheeda Rana. (2015). Theory of Complex Interdependence: A Comparative Analysis of Realist and Neoliberal Thoughts. *International Journal of Business and Social Science*, Vol 6 (2): 290-297.

### ***Acknowledgements/Penghargaan***

Terima kasih kepada semua yang menyumbang semasa proses menyiapkan artikel ini

### ***Funding/Pembiayaan***

Pembiayaan sendiri

### ***Conflict of interest/Konflik Kepentingan***

Tidak berkaitan